



LAPORAN
PERANGKAAAN
TAHUNAN
2012

PERUTUSAN KETUA PENGARAH JABATAN PERUMAHAN NEGARA		iv
1.0	Pengenalan	1
2.0	Pelesenan Perumahan Swasta	3
2.1	Definisi Pemasjuaan Perumahan	4
2.2	Pengeluaran Lesen Pemasjuaan Perumahan	6
2.3	Permit Iklan dan Jualan	8
2.4	Bilangan Unit Rumah yang Diluluskan Pembinaan	10
2.5	Pelaburan Swasta dalam Sektor Perumahan	13
3.0	Pemantauan Projek Perumahan Swasta	13
3.1	Definisi	14
3.2	Status Projek Perumahan Swasta Lancar, Lewat dan Sakit	16
3.3	Status Projek Perumahan Swasta yang Dilesenkan	19
4.0	Penguatkuasaan Pemasju Perumahan Swasta	19
4.1	Kompaun	24
4.2	Pendakwaan	28
4.3	Senarai Hitam	29
5.0	Pengurusan Projek Perumahan Terbengkalai	29
5.1	Definisi	31
5.2	Projek Terbengkalai Mengikut Negeri	33
5.3	Pemulihan Projek Perumahan Terbengkalai	33

Isi Kandungan

6.0	SKIM PINJAMAN PERUMAHAN	35
6.1	PERMOHONAN	36
6.2	KUTIPAN BAYARAN	38
6.3	TUNGGAKAN BAYARAN	39
6.4	PELELONGAN	42
7.0	PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT	43
7.1	STATUS KESELURUHAN	44
7.2	PROJEK SIAP	45
7.3	PROJEK DALAM PEMBINAAN	47
7.4	STATUS PENGISIAN PPR DISEWA	48
7.5	STATUS PENJUALAN PPR DIMILIKI	50
8.0	PENGURUSAN SETINGGAN	53
8.1	DEFINISI	54
8.1	PENGURUSAN SETINGGAN	54
9.0	PENGURUSAN BANGUNAN DAN HARTA BERSAMA	57
9.1	DEFINISI	58
9.2	PENGURUSAN KAWASAN PEMAJUAN	58
9.3	ADUAN YANG DITERIMA DI UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN	59
9.4	PROGRAM PENYENGGARAAN PERUMAHAN	64
10.0	PENGURUSAN ADUAN	67
10.1	BILANGAN ADUAN YANG DITERIMA	68
10.2	JENIS ADUAN PERUMAHAN	68
10.3	ADUAN YANG DITERIMA DI BAHAGIAN PENGUATKUASAAN	69

Perutusan

Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara



“ Penghasilan Laporan Perangkaan Tahunan JPN ini antara lain adalah bertujuan menyampaikan maklumat perangkaan kepada pelbagai pihak mengenai aktiviti perumahan yang dikawal selia oleh JPN ”

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya, buku Laporan Perangkaan Tahunan 2012, Jabatan Perumahan Negara (JPN) dapat diterbitkan dengan jayanya.

Penghasilan Laporan Perangkaan Tahunan JPN ini antara lain adalah bertujuan menyampaikan maklumat perangkaan kepada pelbagai pihak mengenai aktiviti perumahan yang dikawal selia oleh JPN. Selain itu, terdapat juga beberapa analisis yang boleh dijadikan panduan kepada pelbagai pihak yang menjadikan Laporan Perangkaan Tahunan JPN sebagai salah satu sumber rujukan dalam merancang pembangunan perumahan di masa akan datang.

Laporan Perangkaan Tahunan JPN ini juga merupakan salah satu manifestasi Jabatan Perumahan Negara dalam memaparkan pencapaian dan kejayaan menyediakan perumahan yang berkualiti, selesa dan mampu dimiliki selaras dengan matlamat Dasar Perumahan Negara (DRN) yang telah dilancarkan pada tahun 2011.

Akhir kata, syabas dan sekalung penghargaan kepada semua pihak yang telah menyumbang idea, tenaga dan masa bagi menghasilkan buku Laporan Perangkaan Tahunan JPN 2012.

Sekian, terima kasih.

DATU' DR. MOHD PADZIL BIN HASHIM



1.0 Pengenalan

1.1 TUJUAN

Laporan ini bertujuan untuk menyampaikan maklumat perangkaan kepada pelbagai pihak mengenai aktiviti perumahan di negara ini yang dikawal selia oleh Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Adalah diharapkan penerbitan ini dapat menyediakan maklumat perangkaan serta analisis yang sesuai mengenai aktiviti perumahan di negara ini.

1.2 SKOP DAN LIPUTAN DATA

Laporan ini merangkumi maklumat perumahan yang dilaksanakan oleh sektor awam dan swasta sepanjang tahun 2012. Penerbitan ini menjelaskan aspek kuantitatif dasar dan analisis mengenai aktiviti perumahan yang telah dilaksanakan dalam tahun semasa. Bagi liputan data, perangkaan yang disediakan ini adalah tertumpu kepada negeri di Semenanjung Malaysia sahaja seperti maklumat pemajuan perumahan swasta serta pengurusan bangunan dan harta bersama. Ini kerana Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118] dan Akta Bangunan Dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 [Akta 663] hanya meliputi Semenanjung Malaysia sahaja. Bagi negeri Sabah dan Sarawak, maklumat perangkaan yang diperolehi adalah terhad kepada pengurusan setinggan dan Program Perumahan Rakyat (PPR) sahaja kerana sektor perumahan swasta di Sabah dan Sarawak dikawal selia oleh Ordinan / Enakmen perumahan masing-masing.

1.3 PENGUMPULAN DATA

Secara amnya, pengumpulan data perumahan adalah tertumpu kepada rekod dalaman JPN serta maklumat daripada Kerajaan-Kerajaan Negeri dan Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Pengumpulan data tersebut disalurkan melalui bahagian-bahagian di bawah JPN dan seterusnya dikumpulkan untuk dianalisis bagi menghasilkan Laporan Perangkaan Tahunan JPN 2012.



Pelesenan Perumahan Swasta

2.0 PELESENAN PERUMAHAN SWASTA

2.1 DEFINISI PEMAJUAN PERUMAHAN

Menurut Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118], pemajuan perumahan bermaksud memajukan atau membina atau menyebabkan dibina dengan apa-apa cara sekalipun lebih daripada empat unit rumah tempat tinggal dan termasuklah pengutipan wang atau penjalanan apa-apa pengendalian bangunan bagi maksud mendirikan rumah tempat tinggal dalam, pada, atas atau di bawah mana-mana tanah; atau penjualan lebih empat lot tanah atau lot bangunan dengan tujuan membina lebih daripada empat unit rumah tempat tinggal. Oleh itu, mana-mana pemajuan perumahan yang menepati definisi di atas hendaklah memohon lesen pemajuan perumahan dan permit iklan dan jualan sebelum melaksanakan sesuatu projek perumahan.

2.2 PENGELUARAN LESEN PEMAJUAN PERUMAHAN

Rajah 2.1 menunjukkan bilangan pengeluaran lesen pemajuan perumahan baharu dan pembaharuan lesen dari tahun 2008 hingga 2012. Sepanjang tempoh lima tahun (2008-2012) sebanyak 5,600 lesen telah dikeluarkan oleh JPN dan pembaharuan lesen sejumlah 1,892 telah dicatatkan.


Sepanjang tempoh lima tahun ini, tahun 2012 menunjukkan bilangan pengeluaran lesen pemajuan perumahan baharu sebanyak 1,435 lesen iaitu peningkatan sebanyak 13.7% dicatatkan berbanding tahun sebelumnya. Bagi pembaharuan lesen pula, tiada peningkatan ketara yang dicatatkan dalam tempoh lima tahun.

JADUAL 2.1: PENGELUARAN LESEN PEMAJUAN PERUMAHAN DARI TAHUN 2008 HINGGA 2012

TAHUN	BAHARU	PEMBAHARUAN	JUMLAH
2008	816	365	1,181
2009	937	364	1,301
2010	1,150	380	1,530
2011	1,262	349	1,611
2012	1,435	371	1,806
JUMLAH	5,600	1,892	7,429

Sumber: Bahagian Pelesenan Pemasukan Perumahan, JPN (2012)

RAJAH 2.1: PENGELUARAN LESEN PEMAJUAN PERUMAHAN DARI TAHUN 2008 HINGGA 2012



Sumber : Bahagian Pelesenan Pemasukan Perumahan, JPN (2012)

2.3 PERMIT IKLAN & JUALAN


Bilangan pengeluaran permit iklan dan jualan baharu pada tahun 2012 adalah yang tertinggi sepanjang tempoh lima tahun (2008-2012) iaitu sebanyak 1,387. Bilangan ini menokok sebanyak 150 (12.1%) dari tahun 2011 yang mencatat bilangan permit iklan dan jualan sebanyak 1,237. Butiran lanjut adalah seperti di Jadual 2.2 di bawah.

**JADUAL 2.2: PENGELUARAN PERMIT IKLAN DAN JUALAN BAHARU
DARI TAHUN 2008 HINGGA 2012**

TEMPOH	BILANGAN	% PERUBAHAN
2008	822	-
2009	921	12.0
2010	1,114	21.0
2011	1,237	11.0
2012	1,387	12.1

Sumber: Bahagian Pelesenan Pemajuan Perumahan, JPN (2012)

RAJAH 2.2: PENGELUARAN PERMIT IKLAN DAN JUALAN DARI TAHUN 2008 HINGGA 2012




Sumber: Bahagian Pelesenan Pemajuan Perumahan, JPN (2012)

Rajah 2.2 menunjukkan pengeluaran permit iklan dan jualan (baharu dan pembaharuan) bagi tahun 2008 hingga tahun 2012. Berdasarkan rajah tersebut, terdapat peningkatan bilangan pengeluaran pembaharuan permit iklan dan jualan dari tahun 2011 ke tahun 2012 sebanyak 17.6% iaitu daripada 1,572 kepada 1,849.

Namun begitu, pembaharuan permit iklan dan jualan pada tahun 2010 menunjukkan kemerosotan sebanyak 178. Secara keseluruhannya, pengeluaran permit iklan dan jualan bagi tahun 2012 sama ada baharu ataupun pembaharuan mencatatkan peningkatan yang agak setara dan dijangkakan keadaan ini akan berterusan untuk tahun 2013.

2.4 BILANGAN UNIT RUMAH YANG DILULUSKAN PEMBINAAN

CARTA 2.1: UNIT RUMAH YANG TELAH DILULUSKAN PEMBINAAN BAGI TAHUN 2012



Sumber: Bahagian Pelesenan Pemajuan Perumahan, JPN (2012)

Carta 2.1 menunjukkan peratusan unit rumah mengikut kategori harga yang diluluskan berdasarkan permohonan daripada syarikat pemaju perumahan. Kelulusan pembinaan rumah ini adalah berdasarkan jumlah bulanan yang diluluskan oleh JPN dari Januari 2012 sehingga Disember 2012. Majoriti syarikat pemaju perumahan memohon untuk membina rumah kos tinggi dengan jumlah 214,296 buah rumah yang mewakili 91.1% rumah di pasaran manakala rumah kos rendah hanya mencatat peratusan 3.0% rumah di pasaran dengan jumlah 7,116. Selebihnya adalah permohonan bagi pembinaan rumah kos sederhana dan kos sederhana rendah iaitu sebanyak 13,837 unit rumah. Antara faktor yang menyebabkan perbezaan besar antara bilangan jenis rumah tersebut dibina adalah kerana faktor harga. Penawaran harga yang tinggi bagi perumahan kos tinggi membolehkan pemaju mendapat lebih keuntungan berbanding pembinaan bagi rumah kos sederhana mahupun kos rendah. Selain itu, faktor lokasi dan pasaran tempatan turut mempengaruhi harga rumah yang dibina dan dijual.

**JADUAL 2.3: BILANGAN UNIT RUMAH YANG DILULUSKAN PEMBINAAN
DARI TAHUN 2008 HINGGA 2012**

TAHUN	KOS RENDAH	KOS SEDERHANA RENDAH	KOS SEDERHANA	KOS TINGGI	JUMLAH
2008	5,843	1,949	11,058	74,934	93,784
2009	4,530	2,748	9,600	80,838	97,716
2010	6,079	2,717	5,615	106,390	120,801
2011	4,887	2,142	5,141	147,472	159,642
2012	7,116	1,507	12,330	214,296	235,249
JUMLAH	28,455	11,063	43,744	623,930	707,192

Sumber: Bahagian Pelesenan Pemajuan Perumahan, JPN (2012)

Nota: Kategori Rumah Berdasarkan Harga

Kos Rendah	<i>Kurang daripada RM 42,000</i>
Kos Sederhana Rendah	<i>RM 42,001 - RM 70,000</i>
Kos Sederhana	<i>RM 70,001 - RM 100,000</i>
Kos Tinggi	<i>Melebihi RM 100,000</i>

Merujuk Jadual 2.3 di atas, secara keseluruhannya bilangan unit rumah yang diluluskan pembinaan pada tahun 2012 meningkat sebanyak 47.4% iaitu daripada 159,642 unit rumah kepada 235,249 unit rumah. Antara faktor yang mendorong kepada peningkatan bilangan unit rumah yang dibina pada tahun 2012 berbanding tahun 2011 adalah disebabkan oleh pindaan yang telah dibuat pada Akta 118 yang telah diluluskan pada Disember 2011 dimana terdapat peningkatan dalam pembayaran deposit iaitu 3.0% daripada kos pembinaan. Bagi mengelakkan pembayaran deposit sebanyak 3.0%, pemaju telah memohon lesen lebih awal bagi projek-projek yang akan bermula 2 hingga 3 tahun akan datang.

Kelulusan pembinaan bagi rumah kos tinggi adalah yang tertinggi dicatatkan iaitu sebanyak 214,296 unit rumah berbanding rumah kos rendah dan kos sederhana iaitu masing-masing mencatatkan sebanyak 7,116 dan 13,837 unit rumah. Kelulusan pembinaan unit rumah turut meningkat dari tahun ke tahun. Selain itu, pembinaan rumah kos tinggi merupakan jenis yang paling banyak dipohon oleh pemaju untuk dimajukan sepanjang tempoh 2008 hingga 2012.


2.5 PELABURAN SWASTA DALAM SEKTOR PERUMAHAN

**JADUAL 2.4: PELABURAN SWASTA DALAM SEKTOR PERUMAHAN
DARI TAHUN 2008 HINGGA 2012**

TAHUN	JUMLAH PELABURAN (RM)	% PERUBAHAN
2008	25,920,900,000.00	-
2009	3,972,750,000.00	-84.7
2010	4,723,460,000.00	18.9
2011	15,065,380,000.00	218.9
2012	30,288,977,379.80	101.1

Sumber: Bahagian Pelesenan Pemajuan Perumahan, JPN (2012)

**RAJAH 2.3: PELABURAN SWASTA DALAM SEKTOR PERUMAHAN
DARI TAHUN 2008 HINGGA 2012**



Sumber: Bahagian Pelesenan Pemajuan Perumahan, JPN (2012)

Berdasarkan Rajah 2.3 ,terdapat peningkatan dan penurunan pelaburan swasta dalam sektor perumahan sepanjang tempoh lima tahun. Pada tahun 2008, sektor swasta telah melabur sebanyak RM25,920.90 juta sebelum merosot sebanyak 84.7% pada tahun 2009.

Namun begitu, terdapat sedikit peningkatan dalam pelaburan swasta pada tahun 2010 iaitu daripada RM3,972.75 juta pada tahun 2009 kepada RM4,723.46 juta pada tahun 2010. Pada tahun 2011, pelaburan swasta melonjak mendadak kepada RM15,065.38 juta iaitu peningkatan peratusan sebanyak 218.9%.

Peningkatan pelaburan sektor swasta dalam perumahan berterusan pada tahun 2012 dengan peratusan peningkatan sebanyak 101.1% iaitu meningkat kepada RM30,288.98 juta. Peningkatan pelaburan sektor swasta dalam perumahan adalah disebabkan kerana pertambahan bilangan unit rumah yang dibina dan suasana pelaburan yang kondusif di Malaysia.

Halaman ini sengaja dibiarkan kosong



Pemantauan Projek Perumahan Swasta

3.0 PEMANTAUAN PROJEK PERUMAHAN SWASTA

3.1 DEFINISI


Status projek perumahan swasta dibahagikan kepada tiga (3) kategori iaitu:

- i) **Lancar:** Projek yang dimajukan mengikut tempoh Surat Perjanjian Jual & Beli (SPJB) iaitu selama 24 bulan bagi pemajuan yang mengikut Jadual G (Hak Milik Individu) dan 36 bulan bagi pemajuan yang mengikut Jadual H (Hak Milik Strata);
- ii) **Lewat:** Projek yang mengalami kelewatan antara 10.0% hingga 30.0% dan masih berada dalam tempoh Surat Perjanjian Jual & Beli (SPJB); dan
- iii) **Sakit:** Projek yang mengalami kelewatan melebihi 30.0% atau projek-projek yang telah tamat tempoh Surat Perjanjian Jual & Beli (SPJB).

3.2 STATUS PROJEK PERUMAHAN SWASTA LANCAR, LEWAT DAN SAKIT

Sehingga Disember 2012 sebanyak 3,580 projek perumahan swasta sedang dimajukan oleh pemaju perumahan di Semenanjung Malaysia dan daripada jumlah tersebut, 3,324 projek (92.9%) adalah berstatus projek Lancar, 40 projek (1.1%) adalah projek Lewat dan baki 216 projek (6.0%) dikategorikan sebagai projek Sakit. Peratusan status projek perumahan swasta adalah seperti di Carta 3.1.

CARTA 3.1: STATUS PROJEK PERUMAHAN SWASTA LANCAR, LEWAT DAN SAKIT SEHINGGA 31 DISEMBER 2012



Sumber: Bahagian Pelesenan Pemajuan Perumahan, JPN (2012)

JADUAL 3.1: STATISTIK PROJEK PERUMAHAN SWASTA LANCAR, LEWAT DAN SAKIT MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 31 DISEMBER 2012

NEGERI	LANCAR			LEWAT			SAKIT		
	BIL PROJEK	UNIT DIBINA	UNIT DIJUAL	BIL PROJEK	UNIT DIBINA	UNIT DIJUAL	BIL PROJEK	UNIT DIBINA	UNIT DIJUAL
SELANGOR	806	169,580	91,188	18	1,751	1,212	88	14,894	10,834
PERAK	569	51,421	36,540	2	101	82	9	850	425
JOHOR	550	65,927	41,961	6	649	132	21	2,371	1,841
P.PINANG	304	23,210	10,230	1	220	200	12	2,076	1,396
KEDAH	255	31,417	17,422	0	0	0	16	2,366	1,422
PAHANG	234	12,329	4,672	9	610	377	13	1,058	585
W.P KUALA LUMPUR	183	37,432	25,717	2	244	176	8	1,380	633
N.SEMBILAN	171	24,348	12,516	1	10	7	12	1,472	1,069
MELAKA	127	25,006	12,646	1	476	1	4	316	156
KELANTAN	55	2,751	1,859	0	0	0	18	1,312	931
TERENGGANU	44	1,355	1,081	0	0	0	14	1,399	1,156
PERLIS	26	1,092	1,082	0	0	0	1	76	36
JUMLAH	3,324	445,868	256,914	40	4,061	2,187	216	29,570	20,484

Sumber: Bahagian Pemantauan Perumahan Swasta, JPN (2012)

Jadual 3.1 menunjukkan status semasa projek perumahan swasta dalam kategori Lancar, Lewat dan Sakit mengikut negeri. Didapati sebanyak 445,868 unit rumah yang sedang dibina adalah dalam kategori Lancar, 4,061 unit rumah dalam kategori Lewat dan 29,570 unit rumah dalam kategori Sakit. Bagi unit yang dijual, 256,914 unit rumah adalah dalam kategori Lancar, 2,187 unit rumah dalam kategori Lewat dan 20,484 unit rumah dalam kategori Sakit.

3.3 STATUS PROJEK PERUMAHAN SWASTA YANG DILESENKAN

**JADUAL 3.2: STATISTIK PROJEK PERUMAHAN SWASTA YANG DILESENKAN
DARI TAHUN 1990 HINGGA 2012**

KATEGORI	BIL.PROJEK	PERATUS(%)
SIAP DENGAN CFO/CCC	17,209	82.5
LANCAR	3,324	16.0
LEWAT	40	0.2
SAKIT	216	1.0
TERBENGKALAI	60	0.3
JUMLAH	20,849	100.0

Sumber: Bahagian Pemantauan Perumahan Swasta, JPN (2012)

Bermula dari tahun 1990 hingga 2012, sebanyak 20,849 lesen pemajuan perumahan telah dikeluarkan oleh JPN di mana sejumlah 17,209 projek (82.5%) telah berjaya disiapkan dengan kelulusan Sijil Layak Menduduki (CFO) / Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC). Sementara itu, 3,324 projek (16.0%) masih berjalan lancar mengikut jadual yang ditetapkan dalam SPJB.

Selain itu, terdapat juga projek-projek bermasalah yang dikategorikan sebagai projek Lewat, Sakit dan Terbengkalai. Sebanyak 40 projek (0.2%) dikategorikan sebagai projek Lewat, 216 projek (1.0%) dikategorikan sebagai Sakit manakala 60 projek (0.3%) masih berstatus Terbengkalai. Ini menjadikan jumlah keseluruhan projek bermasalah adalah sebanyak 316 projek.

JADUAL 3.3: STATISTIK PROJEK PERUMAHAN SWASTA LEWAT, SAKIT DAN TERBENGKALAI MENGIKUT TAHUN DILESENKAN

TAHUN DILESENKAN	STATUS / KATEGORI			JUMLAH
	LEWAT	SAKIT	TERBENGKALAI	
1990	0	3	1	4
1991	0	1	0	1
1992	1	1	0	2
1993	0	0	0	0
1994	0	1	1	2
1995	0	0	2	2
1996	0	1	6	7
1997	0	1	8	9
1998	0	1	6	7
1999	0	2	8	10
2000	0	6	7	13
2001	1	11	6	18
2002	0	11	6	17
2003	0	8	7	15
2004	0	18	1	19
2005	0	19	1	20
2006	0	15	0	15
2007	1	16	0	17
2008	2	28	0	30
2009	4	40	0	44
2010	11	30	0	41
2011	14	3	0	17
2012	6	0	0	6
JUMLAH	40	216	60	316

Sumber: Bahagian Pemantauan Perumahan Swasta, JPN (2012)

Jadual 3.3 menunjukkan status projek perumahan swasta di Semenanjung Malaysia mengikut tahun dilesenkan dari tahun 1990 hingga 2012. Sepanjang tempoh tersebut, sebanyak 20,849 lesen pemajuan perumahan telah dikeluarkan oleh Bahagian Pelesenan Pemajuan Perumahan, JPN. Daripada jumlah tersebut, bilangan projek kategori Lewat yang tertinggi direkodkan adalah projek yang dilesenkan pada tahun 2011 iaitu sebanyak 14 projek. Bagi kategori Sakit pula, bilangan tertinggi dicatatkan adalah projek yang dilesenkan pada tahun 2009 iaitu sebanyak 40 projek.

Berdasarkan pemerhatian tersebut, bilangan projek kategori Lewat dan Sakit adalah tinggi bagi projek-projek yang dilesenkan dari tahun 2009 hingga 2011. Kebanyakan projek tersebut telah melepasi tarikh patut siap seperti yang telah ditetapkan dalam SPJB. Walau bagaimanapun, melalui pemantauan yang dilaksanakan, kerja-kerja di tapak projek masih berjalan dan berpotensi untuk disiapkan dengan kelulusan CFO/CCC. Bagi projek kategori Terbengkalai pula, jumlah paling tinggi direkodkan ialah sebanyak 8 projek masing-masing bagi projek yang dilesenkan pada tahun 1997 dan 1999. Sementara itu, tiada projek yang diisytiharkan sebagai projek Terbengkalai bagi projek yang dilesenkan sejak tahun 2006.

Oleh itu, dapatlah dirumuskan bahawa bilangan projek bermasalah iaitu kategori Lewat, Sakit dan Terbengkalai di Semenanjung Malaysia hanya melibatkan peratusan yang kecil sahaja iaitu sekitar 1.5% jika dibandingkan dengan bilangan keseluruhan projek yang berjaya disiapkan dengan CFO/CCC.



Penguatkuasaan
Pemaju Perumahan Swasta

4.0 PENGUATKUASAAN PEMAJU PERUMAHAN SWASTA

4.1 KOMPAUN

Notis kompaun akan dikeluarkan oleh JPN kepada pemaju perumahan swasta yang melakukan kesalahan-kesalahan seperti berikut:

- i) Kesalahan tidak menghantar laporan kewangan serta laporan juruaudit kepada Pengawal Perumahan [subseksyen 7(e) Akta 118];
- ii) Kesalahan tidak menghantar laporan kemajuan projek [subseksyen 7(f) Akta 118];
- iii) Kesalahan pengiklanan yang berbeza daripada yang diluluskan oleh Pengawal Perumahan [subperaturan 5(1A), Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan Dan Pelesenan) 1989]; dan
- iv) Kesalahan Iklan Penjualan [subperaturan 6(1), Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan Dan Pelesenan)1989].

JADUAL 4.1: STATISTIK KOMPAUN DARI TAHUN 2008 HINGGA 2012

TAHUN	PEMAJU	BILANGAN KESALAHAN
2008	279	305
2009	545	586
2010	943	1,020
2011	1,455	1,504
2012	921	1,006
JUMLAH	4,143	4,421


Sumber: Bahagian Penguatkuasaan, JPN (2012)

Jadual 4.1 menunjukkan statistik kompaun dari tahun 2008 hingga 2012. Kompaun yang dikenakan kepada pemaju perumahan swasta sepanjang tempoh lima tahun (2008-2012) adalah sebanyak 4,143 yang melibatkan sebanyak 4,421 bilangan kesalahan. Dalam tempoh 4 tahun (2008-2011), bilangan pemaju yang dikenakan kompaun menokok daripada 279 pada tahun 2008 kepada 1,455 pada tahun 2011 sebelum mengalami penurunan kepada 921 pada tahun 2012.

Bilangan kesalahan yang dikenakan notis kompaun pula menurun sebanyak 33.1% daripada 1,504 pada tahun 2011 kepada 1006 pada tahun 2012. Beberapa faktor yang mendorong penurunan pengeluaran notis kompaun pada tahun 2012 telah dikenal pasti seperti berikut:

- i) Pelaksanaan Taklimat Peranan dan Tanggungjawab Pemaju Perumahan Berlesen (*Roadshow*);
- ii) Peningkatan pematuhan Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118] oleh pemaju-pemaju; dan
- iii) Penguatkuasaan yang semakin berkesan dan mantap melalui kecekapan pengkompaunan serta pendakwaan.

RAJAH 4.1: KUTIPAN HASIL KOMPAUN DARI TAHUN 2008 HINGGA 2012



Sumber: Bahagian Penguatkuasaan, JPN (2012)

Nota: Kadar maksimum kompaun mengikut kesalahan;

Seksyen 7	RM50,000
Peraturan	RM20,000

Merujuk kepada Rajah 4.1, jumlah kutipan kompaun sepanjang tempoh lima tahun (2008-2012) adalah sebanyak RM18,348,800.00. Bagi tahun 2012, hasil kutipan kompaun telah menyusut sebanyak 50.2% berbanding tahun 2011. Hal ini adalah berikutan pengurangan pengesyoran kompaun bagi kesalahan di bawah Seksyen 7(e) Akta 118 iaitu pengurangan sebanyak 65.3% pada tahun 2012 berbanding tahun 2011 yang disebabkan oleh ramai pemaju perumahan telah memenuhi tanggungjawab di bawah peruntukan Seksyen 7(e) Akta 118 bagi tahun 2012.

JADUAL 4.2: STATISTIK KOMPAUN MENGIKUT PECAHAN DARI TAHUN 2008 HINGGA 2012

TAHUN	KESALAHAN DI BAWAH AKTA / PERATURAN				JUMLAH
	P5(1A)	P6(1)	S7(e)	S7(f)	
2008	4	134	0	167	305
2009	17	157	331	81	586
2010	8	201	500	311	1,020
2011	3	197	1,073	231	1,504
2012	2	146	372	486	1,006
JUMLAH	34	835	2,276	1,276	4,421

Sumber: Bahagian Penguatkuasaan, JPN (2012)

Nota: S – Subseksyen, P – Sub-peraturan

P5(1A)	Kesalahan berkaitan pengiklanan dan penjualan pemajuan perumahan yang tidak mengikut Permit Iklan dan Jualan seperti diluluskan oleh Pengawal Perumahan
P6(1)	Kesalahan pengiklanan tidak mengikut butiran iklan yang dikehendaki
S7(e)	Kesalahan gagal menghantar laporan juruaudit beserta salinan kunci kira-kira dan akaun untung rugi kepada Pengawal Perumahan
S7(f)	Kesalahan gagal menghantar laporan kemajuan projek perumahan kepada Pengawal Perumahan

Secara keseluruhannya, notis kompaun yang dikenakan kepada pemaju yang gagal menghantar laporan juruaudit beserta salinan kunci kira-kira dan akaun untung rugi kepada Pengawal Perumahan (S7(e)) mencatatkan bilangan yang tertinggi sepanjang tempoh lima tahun iaitu sebanyak 2,276 notis. Kesalahan di bawah Sub-peraturan 5(1A) iaitu kesalahan berkaitan pengiklanan dan penjualan pemajuan perumahan yang tidak mengikut Permit Iklan dan Jualan seperti diluluskan oleh Pengawal Perumahan mencatatkan bilangan yang terendah dikenakan notis kompaun iaitu sebanyak 34 notis.

Sehingga 31 Disember 2012, kesalahan di bawah Sub-peraturan 5(1A), Sub-peraturan 6(1) dan Subseksyen 7(e) menunjukkan penurunan dalam notis kompaun yang dikeluarkan. Namun begitu, kesalahan di bawah Subseksyen 7(f) iaitu gagal menghantar laporan kemajuan projek perumahan kepada Pengawal Perumahan mencatatkan peningkatan dalam bilangan notis kompaun yang dikeluarkan iaitu sebanyak 486 notis kompaun berbanding 231 pada tahun 2011.

4.2 PENDAKWAAN

Sepanjang tempoh empat tahun, sebanyak 2,060 kes telah didaftarkan di mahkamah bagi pelbagai kesalahan di bawah peruntukan Akta 118 yang dilakukan oleh pemaju perumahan. Jumlah kes yang telah didaftarkan di mahkamah telah menurun sebanyak 397 kes iaitu daripada 766 kes pada tahun 2011 kepada 369 kes pada tahun 2012. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 274 kes telah diselesaikan dan bakinya masih berjalan di mahkamah. Antara faktor yang menyebabkan penurunan bilangan kes yang diselesaikan ini adalah disebabkan oleh tempoh masa yang diambil untuk penyediaan kertas siasatan dan pendengaran kes di mahkamah.

Antara kesalahan utama yang membabitkan kes pendakwaan adalah kegagalan mengemukakan Laporan Kemajuan Projek, kegagalan mengemukakan Laporan Kewangan Beraudit Tahunan, Ingkar Award yang dikeluarkan oleh Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR) dan melaksanakan pemajuan perumahan tanpa lesen.

JADUAL 4.3: STATISTIK KES PENDAKWAAN DI BAWAH AKTA 118 DARI TAHUN 2009 HINGGA 2012

TAHUN	BILANGAN KES YANG DIDAFTARKAN DI MAHKAMAH	BILANGAN KES MASIH AKTIF	BILANGAN KES SELESAI
2009	392	0	392
2010	533	0	533
2011	766	9	757
2012	369	95	274
JUMLAH	2,060	104	1,956

Sumber: Bahagian Penguatkuasaan, JPN (2012)

Berdasarkan Jadual 4.4 di bawah, bilangan kertas siasatan yang disediakan mengalami peningkatan dan penurunan sepanjang tempoh lima tahun. Bilangan kertas siasatan yang disediakan pada tahun 2009 meningkat daripada 425 kepada 787 dan seterusnya melonjak kepada 1,200 pada tahun 2010 sebelum kembali menurun kepada 836 dan 508 pada tahun 2011 dan 2012.

Peningkatan yang drastik pada tahun 2010 adalah hasil inisiatif penubuhan Pasukan Petugas Khas (*Special Task Force [STF]*) Pemulihan Projek Perumahan Terbengkalai yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN) pada tahun 2009. Melalui inisiatif STF, mekanisme penguatkuasaan, perundangan dan pemantauan pemajuan perumahan telah ditambah baik dan dimantapkan dari semasa ke semasa. Ini secara tidak langsung memberi kesan terhadap peningkatan bilangan kertas siasatan yang disediakan bagi mendakwa pemaju di mahkamah.

JADUAL 4.4: STATISTIK PENYEDIAAN KERTAS SIASATAN DARI TAHUN 2008 HINGGA 2012

TAHUN	BILANGAN KERTAS SIASATAN DISEDIAKAN
2008	425
2009	787
2010	1,200
2011	836
2012	508
JUMLAH	3,756

Sumber: Bahagian Penguatkuasaan, JPN (2012)

**JADUAL 4.5: PECAHAN KERTAS SIASATAN YANG TELAH DISEDIAKAN
MENGIKUT KESALAHAN DARI TAHUN 2008 HINGGA 2012**


TAHUN	S.5(1)	S.5(2)	S.7(e)	S.7(f)	S.16AD(1)	P.5(1)	P.6(1)	P.11(1)	P.11(2)	LAIN-LAIN **	JUMLAH
2008	6	0	0	13	405	0	0	0	0	1	425
2009	5	0	1	159	612	0	1	0	0	9	787
2010	104	3	51	108	914	5	7	2	0	6	1,200
2011	29	1	171	48	580	1	0	0	1	5	836
2012	13	0	89	16	372	0	0	1	1	16	508
JUMLAH	157	4	312	344	2,883	6	8	3	2	37	3,756

Sumber: Bahagian Penguatkuasaan, JPN (2012)

Nota: S – Subseksyen, P – Sub-peraturan

S.5(1)	<i>Kesalahan pemajuan perumahan tanpa lesen</i>
S.5(2)	<i>Kesalahan berkaitan penggunaan perkataan 'pemaju perumahan' tanpa kebenaran Pengawal</i>
S7(e)	<i>Kesalahan gagal menghantar laporan juruaudit beserta salinan kunci kira-kira dan akaun untung rugi kepada Pengawal Perumahan</i>
S7(f)	<i>Kesalahan gagal menghantar laporan kemajuan projek perumahan kepada Pengawal Perumahan</i>
S.16AD(1)	<i>Kesalahan pemaju ingkar award Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR)</i>
P.5(1)	<i>Kesalahan pemajuan perumahan tanpa permit iklan dan jualan</i>
P.6(1)	<i>Kesalahan pengiklanan tidak mengikut butiran iklan yang dikehendaki</i>
P.11(1)	<i>Kesalahan kontrak jualan tidak mengikut Format Perjanjian Jual dan Beli di bawah Akta 118</i>

**RAJAH 4.2 :PECAHAN KERTAS SIASATAN YANG TELAH DISEDIAKAN
MENGIKUT KESALAHAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2012**



Sumber: Bahagian Penguatkuasaan, JPN (2012)

Nota:

S.16AD (1)	<i>Kesalahan Ingkar Award Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR)</i>
S.7(e)	<i>Kesalahan gagal mengemukakan laporan kewangan beraudit</i>
S.7(f)	<i>Kesalahan gagal menghantar laporan kemajuan projek perumahan kepada Pengawal Perumahan</i>
S.5(1)	<i>Kesalahan pemajuan perumahan tanpa lesen</i>
P.11(1)	<i>Kesalahan kontrak jualan tidak mengikut Format Surat Perjanjian Jual dan Beli di bawah Akta 118</i>
P.11(2)	<i>Kesalahan kutipan deposit tanpa menandatangani Surat Perjanjian Jual Beli</i>

Rajah 4.2 menunjukkan pecahan kertas siasatan yang telah disediakan mengikut kesalahan sehingga 31 Disember 2012. Peratusan yang tertinggi iaitu sebanyak 73.2% adalah bagi kesalahan Ingkar Award Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR). Ini diikuti oleh kesalahan gagal mengemukakan laporan kewangan beraudit sebanyak 17.5%.

Selain itu, kesalahan gagal mengemukakan laporan kemajuan projek dan kesalahan-kesalahan lain masing-masing menyumbang peratusan yang sama iaitu sebanyak 3.1%. Kesalahan pemajuan perumahan tanpa lesen pula mencatatkan peratusan sebanyak 2.6%. Peratusan yang terkecil iaitu sebanyak 0.2% adalah untuk kesalahan kutipan deposit tanpa menandatangani SPJB dan gagal mengikut standard SPJB.

4.3 SENARAI HITAM

Merujuk kepada Jadual 4.6, sehingga 31 Disember 2012, seramai 1,261 pemaju perumahan swasta yang melibatkan 4,150 ahli lembaga pengarah telah disenarai hitamkan oleh JPN bagi beberapa kesalahan yang dilakukan di bawah Akta 118. Kesalahan yang paling banyak dilakukan oleh pemaju dan ahli lembaga pengarah adalah gagal membayar kompaun.

**JADUAL 4.6: STATISTIK PEMAJU DAN AHLI LEMBAGA PENGARAH YANG
DISENARAI HITAM MENGIKUT KATEGORI SEHINGGA 31 DISEMBER 2012**

KRITERIA	BILANGAN PEMAJU	BIL. AHLI LEMBAGA PENGARAH
GAGAL MEMBAYAR KOMPAUN	511	1,709
INGKAR AWARD TTPR	277	873
PROJEK SAKIT	261	923
PROJEK TERBENGKALAI	111	406
PEMAJUAN TANPA LESEN	84	188
PEMAJU YANG DIDAKWA DAN DISABITKAN KESALAHAN DI MAHKAMAH (MELEBIHI RM 10,000)	17	51
JUMLAH	1,261	4,150

Sumber: Bahagian Penguatkuasaan, JPN (2012)



Pengurusan
Projek Perumahan
Terbengkalai

5.0 PENGURUSAN PROJEK PERUMAHAN TERBENGGKALAI

5.1 DEFINISI

Projek perumahan terbengkalai ditakrifkan sebagai projek yang mempunyai kriteria seperti berikut:

- i) Projek yang tidak siap dalam atau luar tempoh Surat Perjanjian Jual Beli pertama dan tiada sebarang aktiviti yang ketara di tapak pembinaan selama 6 bulan secara berterusan; atau
- ii) Petisyen penggulungan telah didaftarkan di Mahkamah Tinggi di bawah Seksyen 218 Akta Syarikat 1965 atau undang-undang yang berkaitan; atau
- iii) Syarikat pemaju telah diletakkan di bawah Pegawai Penerima dan Pengurus (*Receiver and Manager*); atau
- iv) Pemaju memaklumkan bahawa tidak berupaya untuk meneruskan projek secara bertulis kepada Pengawal Perumahan; dan
- v) Disahkan projek terbengkalai oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan selaras dengan Seksyen 11(1)(ca) Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118].

Nota:

Perkara “v” adalah mandatori dan bersekali dengan mana-mana perkara “i” hingga “iv” di atas.

5.2 PROJEK TERBENGKALAI MENGIKUT NEGERI


Bagi tahun 2012, negeri Selangor mencatatkan bilangan projek terbengkalai tertinggi iaitu sebanyak 32 projek (19,429 rumah dan 14,358 pembeli) daripada keseluruhan 95 projek perumahan terbengkalai. Ini diikuti oleh negeri Johor sebanyak 19 projek (6,502 unit rumah dan 4,171 pembeli). Selain itu, negeri Terengganu dan Perlis tidak mencatatkan sebarang projek perumahan terbengkalai pada tahun 2012.

JADUAL 5.1: PROJEK TERBENGKALAI MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 31 DISEMBER 2012

NEGERI	2012		
	BIL. PROJEK	UNIT RUMAH	BIL. PEMBELI
SELANGOR	32	19,429	14,358
JOHOR	19	6,502	4,171
NEGERI SEMBILAN	12	2,192	1,623
KEDAH	7	1,330	694
PULAU PINANG	6	2,895	2,136
PERAK	5	870	370
PAHANG	4	1,351	880
KELANTAN	4	527	316
W.P KUALA LUMPUR	4	1,442	914
MELAKA	2	714	662
JUMLAH	95	37,252	26,124

Sumber: Bahagian Pemulihan Projek Terbengkalai, JPN (2012)

RAJAH 5.1: PERBANDINGAN PROJEK TERBENGKALAI MENGIKUT NEGERI BAGI TAHUN 2011 DAN 2012



Sumber: Bahagian Pemulihan Projek Terbengkalai, JPN (2012)


Kebanyakan negeri di Semenanjung Malaysia menunjukkan pengurangan jumlah projek terbengkalai dalam tempoh 2 tahun. Antara negeri yang menunjukkan pengurangan adalah negeri Selangor, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Perak, Pahang dan Melaka. Namun begitu, negeri Johor menunjukkan pertambahan projek terbengkalai sebanyak 2 projek iaitu daripada 17 projek pada tahun 2011 kepada 19 projek pada tahun 2012.

5.3 PEMULIHAN PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI

Sebanyak 11 projek baru telah disenaraikan sebagai projek terbengkalai sepanjang tahun 2012. Ini menyebabkan jumlah projek terbengkalai meningkat kepada 95 projek daripada 84 projek yang disenaraikan pada Januari 2012.


Daripada 95 projek tersebut, sebanyak 9 projek (9.5%) sedang di peringkat awal perancangan pemulihan, 51 projek (53.7%) masih dalam proses pemulihan dan sebanyak 35 projek (36.8%) telah disiapkan atau selesai dan seterusnya dikeluarkan daripada senarai projek perumahan terbengkalai. Ini menjadikan jumlah projek terbengkalai yang dibawa ke tahun 2013 adalah sebanyak 60 projek.

CARTA 5.1: STATUS PEMULIHAN PROJEK TERBENGKALAI BAGI TAHUN 2012



Sumber: Bahagian Pemulihan Projek Terbengkalai, JPN (2012)

RAJAH 5.2: STATISTIK PEMULIHAN PROJEK TERBENGGALAI DARI TAHUN 2009 HINGGA 2012



Sumber: Bahagian Pemulihan Projek Terbengkalai, JPN (2012)

Berdasarkan Rajah 5.2 di atas, jumlah projek terbengkalai telah menurun secara konsisten dari tahun 2009 hingga 2012 dan pertambahan bagi projek terbengkalai yang baru setiap tahun adalah tidak tinggi.

Tahun 2012 mencatatkan bilangan projek terbengkalai yang terendah iaitu sebanyak 84 projek sedia ada dan pertambahan 11 projek baru. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 35 projek telah diselesaikan atau disiapkan. Ini menjadikan jumlah projek terbengkalai yang dibawa ke tahun 2013 adalah sebanyak 60 projek.



6.0 SKIM PINJAMAN PERUMAHAN

6.1 PERMOHONAN

Skim Pinjaman Perumahan (SPP) merupakan pinjaman yang disediakan oleh kerajaan melalui peruntukan kumpulan wang amanah bagi membolehkan golongan berpendapatan rendah membina rumah. Bagi tahun 2012, terdapat 677 permohonan baru SPP diterima di seluruh Semenanjung Malaysia. Jumlah permohonan ini telah meningkat 5 kali ganda berbanding 100 permohonan yang diterima pada tahun 2011. Ia disebabkan oleh peningkatan permohonan daripada orang ramai ekoran kenaikan had pinjaman SPP daripada RM20,000 kepada RM45,000 mulai tahun 2012. Sebanyak 206 permohonan telah mendapat kelulusan pinjaman SPP sepanjang tahun 2012.

JADUAL 6.1: PERBANDINGAN PERMOHONAN YANG DITERIMA DAN DILULUSKAN PADA 2011 DAN 2012

NEGERI	TAHUN 2011		TAHUN 2012	
	PERMOHONAN	DILULUSKAN	PERMOHONAN	DILULUSKAN
KELANTAN	75	56	160	63
PERAK	13	6	39	12
KEDAH	7	3	330	104
SELANGOR	2	1	14	4
W.P KUALA LUMPUR	2	1	3	0
TERENGGANU	1	0	52	7
JOHOR	0	0	2	1
PAHANG	0	0	48	14
PERLIS	0	0	3	0
PULAU PINANG	0	0	3	0
NEGERI SEMBILAN	0	0	18	0
MELAKA	0	0	5	1
JUMLAH	100	67	677	206

Sumber: Bahagian Skim Pinjaman Perumahan, JPN (2012)

Permohonan SPP dari negeri Kedah adalah yang paling banyak diterima oleh JPN sepanjang tahun 2012 iaitu sebanyak 330 permohonan. Ini diikuti oleh negeri Kelantan (160 permohonan), Terengganu (52 permohonan) dan Pahang (48 permohonan). Negeri Johor merupakan negeri yang paling sedikit membuat permohonan untuk SPP iaitu hanya 2 permohonan. Bilangan permohonan SPP banyak diterima dari negeri Kelantan dan Kedah kerana terdapat banyak tanah persendirian yang sesuai untuk skala rumah SPP di kedua-dua negeri tersebut. Bagi kelulusan permohonan pula, negeri Kedah dan Kelantan merupakan antara negeri yang mendapat kelulusan SPP yang paling tinggi sepanjang tahun 2012 iaitu masing-masing sebanyak 104 dan 63 kelulusan.

JADUAL 6.2: STATISTIK PERMOHONAN SPP DARI TAHUN 1976 HINGGA 2012

NEGERI	BILANGAN PERMOHONAN	BILANGAN PERMOHONAN BATAL / TOLAK	KELULUSAN
KELANTAN	6,719	3,298	3,391
KEDAH	3,193	1,326	1,700
PERAK	2,489	1,371	1,101
TERENGGANU	1,791	1,127	622
PAHANG	1,255	885	339
JOHOR	726	415	315
SELANGOR	649	314	325
NEGERI SEMBILAN	423	328	78
PERLIS	271	173	96
MELAKA	244	161	80
W.P KUALA LUMPUR	138	121	13
PULAU PINANG	62	54	5
